

30 SEP 2001

Gerakan-Islam/I

OXFORD TAKRIF MALAYSIA SEBAGAI NEGARA ISLAM, KATA GERAKAN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Universiti Oxford di United Kingdom mentakrifkan Malaysia sebagai negara Islam yang progresif dan moden, kata timbalan presiden Parti Gerakan Datuk Kerk Choo Ting.

Beliau berkata bab mengenai Islam Kontemporari dalam Oxford Encyclopedia jilid khas memberi setinggi pujian kepada Malaysia dan menyifatkannya sebagai negara islam contoh yang mengamalkan tadbir urus yang baik.

"Bab itu juga menyebut mengenai nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa kali dan bab itu dihasilkan secara objektif," kata beliau pada persidangan media semasa Persidangan Perwakilan kebangsaan Parti gerakan di sini hari ini.

Kerk berkata definasi PAS mengenai Islam adalah berdasarkan teokrasi yang terdiri daripada ulama yang merupakan badan tertinggi diikuti jentera kerajaan yang lain.

Beliau berkata PAS mencontohi negara Islam seperti Afghanistan dan Iran dan Islam yang diamalkan oleh PAS berbeza dengan Perlembagaan Persekutuan dan harus ditolak oleh rakyat Malaysia.

"Semua rakyat Malaysia harus memahami isu negara Islam dan cara yang berkesan ialah dengan menyokong amalan-amalan Islam sekarang yang dipraktikkan oleh kerajaan demokrasi, kata beliau.

Beliau berkata Islam adalah bersifat komprehensif dan mempunyai banyak nilai murni dan masyarakat bukan islam di negara ini menghormati agama dan nilai-nilai murni.

Beliau berkata Gerakan akan menganjurkan taklimat dan perbincangan bagi pemimpinnya di semua peringkat mengenai isu negara Islam dan taktik Islam pada 8 Okt di sini.

"Gerakan akan mengundang kalangan intelektual Islam untuk memberi penjelasan kepada para pemimpin parti mengenai perkara itu," kata beliau.

Kerk yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata parti itu akan mencetak risalah mengenai isu negara Islam dalam semua bahasa untuk diedarkan kepada anggota parti dan rakyat.

Mengenai pendidikan, Kerk berkata Gerakan menyokong dasar meritokrasi dalam pengambilan penuntut dan pelajar miskin dan mereka dari sekolah yang kurang kemahan juga harus diambil kira.

Mengenai penyelesaian jangka panjang bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berpendidikan tinggi, beliau berkata Gerakan mencadangkan supaya pengambilan pelajar ditambah di semua universiti.

"Di sesetengah negara, sehingga 60 peratus penduduk mendapat pendidikan tinggi sementara di Malaysia, cuma kira-kira 20 peratus," kata beliau.

Langkah lain ialah membina lebih banyak universiti awam, menggalakkan penubuhan universiti swasta dan kolej serta universiti bagi pembelajaran jarak jauh.

-- BERNAMA

DC AKT FAZ